



08 FEB, 2023

Kekurangan sayur: FAMA diarah kenal pasti kawasan terjejas

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Kekurangan sayur: FAMA diarah kenal pasti kawasan terjejas

KUALA LUMPUR: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah diarah mengenal pasti kawasan-kawasan yang mengalami kekurangan bekalan sayur, bagi membolehkan pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) mengerakkan segera jentera bekalan sayur untuk dipasarkan di kawasan terjejas.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata MAFS akan membuat kajian data supaya tempat yang mengalami kekurangan bekalan itu dapat dihantar dengan bekalan sayur dari kawasan yang mempunyai lebih stok.

“Kita harap perkara ini dapat diatasi dengan segera,”

katanya ketika ditemui di program lawatan ke loji pemprosesan sarang burung walet milik Asiawalit Resources Sdn Bhd di Taman Perindustrian Pusat Bandar Puchong, dekat sini semalam.

Sejak minggu lepas, beberapa negeri dilaporkan mengalami kekurangan sayur-sayuran tertentu susulan hujan lebat berterusan dan banjir menjejaskan ladang sayur di Johor, Pahang dan Perak, yang menyebabkan harganya melonjak di beberapa tempat termasuk di Melaka, yang mencatatkan peningkatan harga 10 hingga 20 peratus.

Sementara itu, Mohamad berkata bekalan bahan mentah seperti telur dan ayam di pasaran pada masa ini secara umumnya mencukupi dan stabil dengan harga masih dapat dikawal.

“Cuma menjelang Ramadan ini, kita sedang melihat isu bekalan daging kerana selalunya dalam tempoh itu, ramai yang akan membuat kenduri di masjid-masjid dan sebagainya. Oleh itu keperluan bekalan daging perlu ditingkatkan bagi menampung permintaan sepanjang Ramadan hingga ke Hari Raya Aidilfitri,” katanya.

Sementara itu Mohamad menyifatkan lawatannya semalam cukup bermakna

ketika kerajaan mengharapkan lebih banyak perusahaan sarang burung walet diwujudkan bagi memenuhi eksport tinggi dari China selain untuk menyediakan peluang pekerjaan.

“Kita tahu negara China penduduknya ramai serta mampu, dan kita boleh mengeksport apa sahaja kepada negara mereka selagi mengikuti peraturan kesihatan yang ditetapkan,” katanya. — Bernama



LAWATAN: Mohamad Sabu (kanan) melawat ruang pameran ketika melakukan lawatan kerja ke loji pemprosesan sarang burung walet di Taman Perindustrian Pusat Bandar Puchong dekat Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir Pengurus Besar Asiawalit Datuk Chua Hai Gen (kiri). — Gambar Bernama



08 FEB, 2023

Kekurangan sayur: FAMA diarah kenal pasti kawasan terjejas

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah diarah mengenai pasti kawasan-kawasan yang mengalami kekurangan bekalan sayur, bagi membolehkan pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) mengerakkan segera jentera bekalan sayur untuk dipasarkan di kawasan terjejas. Menteri Datuk Seri Mohamad Sabu berkata MAFS akan membuat kajian data supaya tempat yang mengalami kekurangan bekalan itu dapat dihantar dengan bekalan sayur dari kawasan yang mempunyai lebih stok.